



Nilai: "Kecacatan ini bukan kekurangan kerana matlamat saya adalah berjaya dalam pelajaran serta memiliki kerjaya cerah pada masa depan," kata Muhammad Hadi Darus, 19, yang juga penuntut orang kurang upaya (OKU) ketika ditemui mendaftarkan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi sesi pengajian 2015/2016, di sini, semalam.

Muhammad Hadi berasal dari Pendang, Kedah adalah antara 2,000 penuntut baru mendaftarkan di universiti itu bagi mengikuti pelbagai bidang pengajian ditawarkan.

Dia bakal mengikuti Sarjana Muda Syariah dan Undang Undang selama lima tahun hadir ditemani ibu, Halimah Che Pa, 52, dan bapanya, Darus Daliman, 54.

Muhammad Hadi mengalami kecacatan tiada kedua-dua belah tangan dan berkerusi roda serta terpaksa menulis menggunakan kaki kiri dilihat begitu tenang ketika mengisi borang pendaftaran.

"Fokus saya adalah menimba ilmu setinggi yang mungkin dan menamatkan pengajian dalam tempoh ditetapkan dengan cemerlang.

"Saya akui terdapat kekurangan pada diri, tetapi tidak mematahkan semangat untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran dan kehidupan. Kita harus terima hakikat bahawa sesuatu kejadian sudah ditentukan Allah SWT dan kecacatan pada diri tidak harus ditangisi.

"Sebaliknya ia harus dijadikan sebagai pembara semangat untuk memenuhi impian dalam pelajaran," katanya.

Muhammad Hadi yang pernah dinobatkan sebagai pelajar terbaik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 2013 dengan memperoleh 11A ketika belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah di Alor Setar yakin dengan ke-

Fokus timba ilmu setinggi boleh

mampuannya meneruskan kecemerlangan di universiti.

Dia yang sebelum ini mengikuti kursus Asasi dalam syariah dan undang-undang di universiti sama memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.61 dan mengakui tidak berdepan masalah dalam urusan harian kerana sudah biasa dengan keadaan fizikalnya.

"Tambah pula, rakan dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar banyak membantu selain pihak universiti sendiri turut memberi perha-

tian terutama ketika menghadiri kuliah," katanya.

Anak kedua

daripada tiga beradik ini pernah menerima anugerah Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 2012 dan dia berazam mahu membuktikan kemampuannya sehingga berjaya.

"Saya ingin membalas jasa dan pergorbanan ibu bapa menerusi kejayaan dalam pelajaran," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor USIM Prof Dr Zulkifli Abd Ghani berkata, USIM mula mengambil penuntut OKU sejak tahun lalu.

"Hari ini (semalam), kami ada empat penuntut OKU mendaftar dan universiti menyediakan kemudahan asas kepada mereka terutama daripada segi pengangkutan.

"Kita memberi peluang kepada semua kategori penuntut untuk mengikuti pengajian di sini," katanya.



MUHAMMAD Hadi mengisi borang dengan menggunakan jari kaki kirinya.

